

30/09/2002

Agihan kerusi baru secara muafakat: Ling

JOHOR BAHRU, Ahad - Pengagihan kerusi baru selepas persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan diadakan secara muafakat di kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN).

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata pengagihan akan dibincangkan pada pertemuan tertutup.

Sehubungan itu, beliau berkata, sebarang keputusan pengagihan kerusi baru yang bakal dihasilkan kelak adalah keputusan bersama parti komponen BN.

"Sebarang permintaan akan dibincangkan dalam pertemuan tertutup itu. Ia tidak perlu dibincangkan secara umum. Ia adalah isu dalaman BN.

"Bagaimanapun, keputusan muktamad akan dibuat Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-26 Pertubuhan Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBBM), di sini hari ini.

Beliau mengulas nasihat Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya semua parti komponen BN tidak bertelagah berebut kerusi baru selepas persempadanan semula kawasan pilihan raya.